



Surat Perhimpunan Agung Biasa XVI Sinode para Uskup kepada Umat Tuhan

Saudara-saudari yang dikasihi,

Ketika prosiding sesi pertama Perhimpunan Agung Biasa Sinode Uskup ke-16 semakin hampir ke penghujungnya, bersama anda semua kami ingin berterima kasih kepada Tuhan atas pengalaman indah dan kaya yang telah kami lalui. Kami menjalani masa yang diberkati ini dalam persekutuan yang mendalam dengan anda semua. Kami disokong oleh doa anda, menanggung harapan anda, soalan anda, serta ketakutan anda. Seperti yang diminta oleh Bapa Suci Fransiskus dua tahun yang lalu, satu proses panjang untuk mendengar dan memahami telah dimulakan, terbuka kepada semua umat Tuhan, tidak ada yang terkecuali, untuk "berjalan bersama" di bawah bimbingan Roh Kudus, para murid misionari yang terlibat dalam mengikuti Yesus Kristus.

Di dalam sesi di mana kami telah berkumpul di Roma sejak 30 September merupakan fasa penting dalam proses ini. Dalam banyak cara ia merupakan pengalaman yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Buat pertama kalinya, atas jemputan Bapa Suci Fransiskus, para lelaki dan wanita telah dijemput, berdasarkan pembaptisan mereka, untuk duduk semeja mengambil bahagian, bukan sahaja dalam perbincangan, tetapi juga dalam proses pengundian perhimpunan Sinode para Uskup ini. Bersama-sama, saling melengkapi dalam panggilan, karisma dan pelayanan, kami telah mendengar dengan tekun kepada Firman Tuhan dan pengalaman orang lain. Menggunakan kaedah perbualan dalam Roh, kami dengan rendah hati telah berkongsi kekayaan dan kemiskinan komuniti kami dari setiap benua, berusaha untuk membezakan apa yang Roh Kudus ingin katakan kepada Gereja hari ini. Dengan itu kami juga mengalami kepentingan untuk memupuk pertukaran mutual antara tradisi Latin dan tradisi Kristian Timur. Penyertaan perwakilan persaudaraan dari Gereja dan Komuniti Eklesia yang lain telah memperkaya perbincangan kami.

Perhimpunan kami berlaku dalam konteks dunia dalam krisis, di mana luka dan skandal ketidaksamaan bergema dengan pedih di hati kami, meresap ke dalam kerja kami dengan tekanan tertentu, terutamanya oleh kerana sesetengah kami datang dari negara di mana perang sedang berlaku. Kami mendoakan mangsa keganasan yang telah membawa maut, tanpa melupakan mereka yang telah dipaksa oleh kesengsaraan dan rasuah untuk menempuh jalan migrasi yang merbahaya. Kami menjamin solidariti dan komitmen kami bersama wanita dan lelaki di seluruh dunia yang berusaha membina keadilan dan keamanan.

Atas jemputan Bapa Suci, kami membuka ruang yang besar untuk berhening untuk memupuk sikap saling mendengar dan keinginan untuk bersatu dalam Roh di antara kami. Semasa pembukaan ekumenikal vigili, kami telah mengalami bagaimana kehausan untuk kesatuan meningkat semasa merenung dan berhening tentang Kristus yang disalibkan. Sebenarnya, salib adalah satu-satunya katedra yang Satu, di mana

setelah menyerahkan diriNya untuk penyelamatan dunia, mempercayakan murid-muridNya kepada BapaNya, supaya "mereka semua menjadi satu" (Yohanes 17:21). Bersatu teguh dalam harapan yang dibawa oleh KebangkitanNya, kami mempercayakan kepadaNya rumah kami bersama di mana seruan bumi dan orang miskin menjadi semakin mendesak: "Laudate Deum!" ("Puji Tuhan!"), seperti yang diingatkan oleh Bapa Suci Fransiskus pada permulaan kerja kami ini.

Hari demi hari, kami terasa panggilan yang mendesak untuk perubahan pastoral dan misionari. Kerana panggilan Gereja adalah untukewartakan Injil bukan dengan memusatkan perhatian pada dirinya sendiri, tetapi dengan meletakkan dirinya pada pelayanan kasih yang tidak terhingga yang dengannya Tuhan mengasihi dunia (lihat Yohanes 3:16). Apabila gelandangan berhampiran Dataran Santo Petrus ditanya tentang pengharapan mereka mengenai Gereja pada sinode ini, mereka menjawab: "Kasih!". Kasih ini mesti sentiasa menjadi hati Gereja yang membara, kasih Tritunggal dan Ekaristi, seperti yang diingatkan oleh Bapa Suci pada 15 Oktober, di tengah-tengah perhimpunan kami, menyeru mesej dari Santa Theresia dari Kanak-Kanak Yesus. Apa yang memberikan kami keberanian dan kebebasan dalaman yang kami alami adalah "kepercayaan", tidak teragak-agak untuk mengekspres tumpuan, perbezaan, keinginan dan persoalan kami secara bebas dan rendah hati.

Dan sekarang? Kami berharap agar tempoh waktu yang membawa kepada sesi kedua pada Oktober 2024 kelak akan membolehkan semua orang mengambil bahagian secara konkrit dalam dinamisme persekutuan misionari yang ditunjukkan oleh perkataan "sinode". Ini bukan tentang ideologi, tetapi tentang pengalaman yang berakar pada tradisi kerasulan. Seperti yang diingatkan oleh Bapa Suci kepada kami pada permulaan proses ini, "persekutuan dan misi boleh berisiko untuk kekal abstrak, melainkan kita memupuk praksis eklesia yang menyatakan kekonkritan sinodaliti (...) menggalakkan penglibatan benar di pihak masing-masing dan semua" (9 Oktober 2021). Terdapat pelbagai cabaran dan pelbagai soalan: laporan sintesis sesi pertama akan menentukan titik persetujuan yang telah kami capai, menyerlahkan soalan terbuka dan menunjukkan bagaimana kerja kami akan diteruskan.

Untuk progres dalam pemahamannya, Gereja benar-benar perlu mendengar semua orang, bermula dengan yang paling miskin. Ini memerlukan jalan pertobatan di pihaknya, yang juga merupakan jalan pujian: "'Aku bersyukur kepadaMu, Bapa, Tuhan langit dan bumi, karena semuanya itu Engkau sembunyikan bagi orang bijak dan orang pandai, tetapi Engkau nyatakan kepada orang kecil" (Lukas 10:21)! Ini bermakna mendengar mereka yang telah dinafikan hak untuk bercakap dalam masyarakat atau yang merasa

dikecualikan, termasuk oleh Gereja; mendengar orang yang menjadi mangsa perkauman dalam semua bentuknya - khususnya di beberapa wilayah, iaitu orang asli yang budayanya telah dicemuh. Di atas segalanya, Gereja zaman kita mempunyai kewajipan untuk mendengar, dalam semangat keinsafan, kepada mereka yang telah menjadi mangsa penderaan yang dilakukan oleh ahli-ahli badan gerejawi,

dan untuk memberi komitmen secara konkrit dan berstruktur untuk memastikan bahawa ini tidak berlaku lagi.

Gereja juga perlu mendengar umat awam, wanita dan lelaki, semuanya dipanggil kepada kekudusan berdasarkan panggilan pembaptisan mereka; kepada kesaksian para katekis, yang dalam banyak situasi adalah pewarta Injil yang pertama; kepada kesederhanaan dan keceriaan kanak-kanak, keghairahan remaja, kepada soalan mereka, dan rayuan mereka; kepada impian, kebijaksanaan dan ingatan orang tua. Gereja perlu mendengar keluarga, kebimbangan pendidikan mereka, kesaksian Kristian yang mereka tawarkan di dunia hari ini. Ia perlu mengalu-alukan suara mereka yang ingin terlibat dalam pelayanan awam dan mengambil bahagian dalam pemahaman dan struktur membuat keputusan.

Untuk progres lebih jauh dalam pemahaman sinode, Gereja khususnya perlu mengumpulkan lebih banyak lagi perkataan dan pengalaman para pelayan yang telah ditahbis: para paderi iaitu kolaborator utama para uskup, yang pelayanan sakramentalnya sangat diperlukan untuk kehidupan seluruh tubuh; diakon, yang melalui pelayanan mereka menandakan penjagaan seluruh Gereja kepada yang paling lemah. Ia juga perlu membiarkan dirinya dipersoalkan oleh suara profetik dari kehidupan yang telah dikonsekrasi, iaitu pengawal yang berjaga di dalam panggilan Roh. Ia juga perlu memberi perhatian kepada semua orang yang tidak seagama dengan imannya tetapi sedang mencari kebenaran, di mana di dalamnya, Roh yang "menawarkan kepada setiap orang kemungkinan untuk dikaitkan dengan misteri Paskah ini" (Gaudium et Spes 22, 5), juga hadir dan beroperasi.

"Dalam dunia yang kita tinggal, di mana kita dipanggil untuk mengasihi dan melayani, walaupun dengan segala pertentangannya, menuntut agar Gereja memperkuat kerjasama dalam semua bidang misinya. Tepatnya, inilah jalan sinodaliti yang Tuhan harapkan dari Gereja milenium ketiga" (Bapa Suci Fransiskus, 17 Oktober 2015). Kita tidak perlu takut untuk menjawab panggilan ini. Maria, Bonda Gereja, yang pertama dalam perjalanan, mengiringi ziarah kita. Dalam sukacita dan dalam kesedihan, dia menunjukkan kepada kita Puteranya dan menjemput kita untuk percaya. Dan Dia, Yesus, adalah satu-satunya harapan kita!

Kota Vatikan, 25 Oktober 2023

Terjemahan oleh Catholic Sabah, Malaysia

世界代表司教会議（シノドス） 第 16 回通常総会 『神の民への手紙』
⇒<https://www.cbcj.catholic.jp/2023/10/27/28118/>



Surat Perhimpunan Agung Biasa XVI Sinode para Uskup kepada Umat Tuhan
⇒<https://www.synod.va/en/news/letter-of-the-xvi-ordinary-general-assembly-of-the-synod-of-bishops-to-the-people-of-god.html>

